



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	19/5/2019	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

UKURAN TAK SAMA PAS

■ Kerjasama JPNP, JPJ sepanjang Op Ronda kesan pelbagai kesalahan babit kayu balak

Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Kuantan

Maklumat tidak lengkap selain ukuran kayu balak tidak sama dengan catatan pada pas memindah antara kesalahan dikesan sepanjang Op Ronda di lapan daerah di negeri ini yang berakhir Khamis lalu.

Operasi dijalankan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) itu membabitkan sekatan jalan raya di beberapa laluan utama di jalan negeri dan Persekutuan.

Pengarah JPNP Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin berkata, antara kesalahan turut dikesan ialah kesilapan spesies balak, jumlah kayu atas lori tidak sama yang tercatat pada pas memindah dan maklumat lesen kawasan pembalakan pada lori tidak tepat.

"JPNP memandang serius kesalahan dilakukan pihak itu kerana boleh mengakibatkan pengurangan cukai hasil hutan selain mengundang banyak masalah lain.

"Bagi kesalahan membabitkan pas memindah tindakan menukar dokumen dilakukan, amaran keras juga dikeluarkan kepada pe-



ANGGOTA JPNP memeriksa spesies balak pada Op Ronda yang diadakan di Kuantan.

mandu lori supaya tidak mengulangi kesalahan sama bagi mengelak tindakan undang-undang.

"Operasi membabitkan 13 anggota Unit Penguat kuasa Timur JPNP dan JPJ menahan dan membuat pemeriksaan terhadap 83 lori balak sepanjang operasi dijalankan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, rondaan juga dilakukan membabitkan jarak sejauh 1,107 kilometer (km) di laluan sempadan Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Terengganu yang menjadi pintu keluar hasil hutan terutama balak.

Katanya, bagi mengesan kegiatan memindahkan ba-

lak tanpa permit pengeluaran, jabatan tidak hanya tertumpu di kawasan hutan sahaja tetapi turut membabitkan lori balak yang berada di jalan raya.

"Kegiatan memindahkan balak tanpa permit atau kayu curi kebiasaannya dilakukan pada waktu malam hingga pagi membabitkan beberapa laluan panas di negeri ini.

"Operasi sekatan jalan raya dan pemeriksaan terhadap lori balak secara mengejut dilakukan dari semasa ke semasa dengan bantuan JPJ dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mengelakkan masalah ini daripada terus berlaku," katanya.